

Nama:

Tahun:

Melayu Islam Beraja.

Sikap Patuh dan Taat kepada Kedua Ibu Bapa

Bahagian A.

Lengkapkan ayat dibawah ini dengan perkataan-perkataan yang sesuai.

sempurna

berkorban

kesat

nasihat

jasa

derhaka

kemaafan

merendahkan

Sebagai seorang anak kita mesti mengenang ¹_____ kedua ibu bapa kita kerana merekalah orang yang paling banyak ²_____. Berkorban dari segi masa dan tenaga semata-mata untuk menjadikan hidup kita berjaya dan ³_____. Anak yang baik tidak boleh melawan dan ⁴_____ kepada kedua ibu bapanya. Ketika bercakap kita mestilah ⁵_____ suara dan tidak boleh mengeluarkan kata-kata yang kasar dan ⁶_____. Jangan mudah marah apabila ibu bapa menegur dan memberikan ⁷_____ kepada kita. Dengar dan fikir sebelum bertindak. Apabila membuat silap segeralah memohon ⁸_____ daripada mereka.

Bahagian B.

Pilih **B** jika perbuatan itu betul dan **S** jika perbuatan itu salah.

1. Kita mestilah meminta izin kepada kedua ibu-bapa sebelum keluar rumah. ☐

2. Sekali sekala kita boleh melawan dan berbohong pada kedua ibu-bapa kita. ☐

3. Anak yang patuh kepada kedua ibu-bapa akan mendapat balasan syurga. ☐

4. Kita wajib memelihara dan menjaga kedua ibu-bapa kita apabila mereka sudah tua nanti. ☐

5. Pintalah harta mereka sebanyak yang boleh sebelum mereka meninggal dunia. ☐

6. Kita tidak perlu mendengar nasihat dari kedua ibu-bapa kita. ☐